

PEMBUDAYAAN REKA BENTUK BUSANA TRADISIONAL MASYARAKAT DUSUN TINDAL DI SABAH

Salbiah Kindoyop

Humin Jusilin

Noria ak Tugang

ABSTRAK

Budaya menggambarkan cara hidup yang dimiliki dan diamalkan oleh sesebuah masyarakat. Pakaian tradisional merupakan salah satu warisan tamadun dan peradaban yang diturunkan sejak zaman berzaman. Warisan budaya reka bentuk dan aksesori dalam busana masyarakat Dusun Tindal memaparkan hubungan kosmologi, bahan daripada alam semula jadi dengan pemikiran mereka. Amalan pembudayaan busana tradisi semasa perayaan dan upacara adat menggambarkan masyarakat Dusun Tindal yang masih berpegang kepada budaya yang diwarisi. Masyarakat Dusun Tindal mendominasi daerah Kota Belud sebagai penempatan utamanya. Kajian ini memfokuskan kepada pembudayaan dan reka bentuk busana tradisional penduduk Dusun Tindal yang tinggal di kawasan *id Nuluhon* (berbukit), iaitu perkampungan yang berhampiran dengan lereng Gunung Kinabalu. Kajian ini menjurus kepada busana tradisional Dusun Tindal yang dipanggil *sinuranga* (pakaian lelaki) dan *rinagan* (pakaian wanita). Kajian ini ditulis melalui kaedah kerja lapangan dengan mengumpul maklumat dan menganalisis data tentang struktur reka bentuk busana yang dikaitkan dengan citra pembudayaan masyarakat Dusun Tindal.

Kata kunci: Pembudayaan, busana, Dusun Tindal, warisan.

ABSTRACT

*Culture describes as a way of life that is owned and practiced by a community. The traditional costume is a heritage time immemorial especially among the Dusun Tindal of Kota Belud, Sabah. The designs and accessories in the costume of the Dusun Tindal community reflects the cosmological relationship and world view. The practice of donning the traditional costume during celebrations and customary ceremonies depict the importance of their past to the Dusun Tindal. People of Dusun Tindal descent dominate the Kota Belud area. This study is focused on the costume design of the Dusun Tindal population that live in *id Nuluhon* (hill) area, a village close to the slopes of Mount Kinabalu. This research focus on the Dusun Tindal traditional costume that called *sinuranga* (men's costume) and *rinagan* (women's costume).*

This research was conducted through field work method where raw data was collected analyzed through the structural design of the costume against the cultural history of the Dusun Tindal community.

Keywords: Cultures, costume, Dusun Tindal, heritage.

PENGENALAN

Masyarakat Dusun Tindal mendiami daerah Kota Belud yang terletak di kawasan pantai barat negeri Sabah. Daerah ini merentasi kawasan seluas 1,385.6 kilometer persegi di kawasan kaki Gunung Kinabalu. Jarak Kota Belud ke Kota Kinabalu adalah sejauh 77 kilometer. Daerah ini bersempadan dengan tiga buah daerah, iaitu daerah Kota Marudu di sebelah utara, daerah Ranau di bahagian timur dan daerah Tuaran di bahagian barat. Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), penduduk Dusun Tindal merupakan etnik yang terbesar mendiami daerah Kota Belud, iaitu berjumlah 38,097 orang, diikuti oleh etnik Bajau dan Iranun yang berjumlah 31,506 orang.

Asal usul nama *Kota Belud* adalah daripada istilah bahasa Bajau yang bermaksud ‘kubu pertahanan di atas bukit’.¹ Pada ketika itu, permusuhan antara kaum Dusun, Bajau dan Iranun sering berlaku kerana ketiadaan pentadbiran yang mengawal peraturan dan hal ehwal adat suku kaum di daerah tersebut. Permusuhan ini menjadi faktor penolak orang Dusun untuk berpindah ke kawasan pedalaman atau *tindal* (kaki bukit). Nama Dusun Tindal diambil sempena nama kawasan bukit, iaitu sinonim dengan perkataan *belud* dalam bahasa Bajau². Menurut Topin (1996:4), masyarakat Dusun Tindal juga tergolong dalam 40 buah etnik yang berdaftar di bawah suku Kadazandusun yang terlah berhijrah dari *nunuk ragang*.

Masyarakat Dusun Tindal memaparkan kepelbagaiannya warisan budaya tradisi yang masih diamalkan sehingga kini. Antara warisan yang diamalkan adalah seperti pakaian tradisional, kraf tangan dan tarian tradisional. Pakaian atau busana tradisional merupakan warisan yang amat menonjol dalam kalangan masyarakat Dusun. Setiap subsuku etnik Dusun di Sabah masing-masing dikenali melalui reka bentuk busana tradisional tersendiri yang dipakai semasa pesta menuai dan hari keramaian. Menurut informan³, masyarakat Dusun Tindal juga mempunyai reka bentuk busana tradisi yang unik, dikenali sebagai *sinuranga* dan *rinagang*. *Sinuranga* adalah busana yang dipakai oleh kaum lelaki, manakala *rinagang* adalah untuk wanita.

BUSANA SINURANGA

Sinuranga adalah panggilan kepada pakaian tradisional lelaki Dusun Tindal yang dipadankan dengan pakaian *rinagang*. Pola pakaian *sinuranga* menggunakan beberapa aksesori yang dipadankan dengan baju (*sinuranga*), seluar (*soluar*) dan tengkolok (*sigar*). Warna kain atau *binidang*⁴ biasanya didominasikan dengan warna hitam dan disulam dengan manik serta benang berwarna merah. Hasil sulaman pula memaparkan variasi motif yang berbentuk geometri seperti segi tiga dan segi empat.



Rajah 1 Reka bentuk *Sinuranga*

Rajah 1 (i) dan (ii) menunjukkan reka bentuk *sinuranga* yang dipakai oleh kaum lelaki. Rajah 1 (i) merupakan reka bentuk *sinuranga* pada pandangan hadapan, manakala Rajah 1 (ii) adalah reka bentuk *sinuranga* pada pandangan belakang. Lazimnya, warna *sinuranga* didominasi dengan warna hitam, iaitu mempunyai persamaan warna dominan dengan busana tradisi masyarakat Dusun yang lain di Sabah. Walau bagaimanapun, warna merah, putih dan kuning emas menjadi warisan hiasan yang disulam pada kain *sinuranga*.




Rajah 2 Struktur sinuranga

Rajah 2 menunjukkan struktur *sinuranga* yang dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu hiasan kepala (*sigar*), pakaian atas baju (*sinuranga*) dan pakaian bawah seluar (*soluar*). Bahan untuk menghasilkan *sinuranga* pada masa dahulu adalah menggunakan bahan alam, iaitu benang daripada urat daun nanas atau *lamba* untuk dijadikan kain. *Lamba* tersebut diwarnakan dengan menggunakan bahan alam yang dipanggil *tahum*. Proses menghasilkan *lamba* adalah sangat rumit dan memerlukan kesabaran yang tinggi. Kemunculan kain baldu dan kain kapas yang dijual oleh pedagang-pedagang dari China telah menggantikan *lamba* yang sukar dihasilkan. Walau bagaimanapun, identiti asal *sinuranga* masih dikenalkan melalui reka bentuk yang dihasilkan. Berikut merupakan struktur busana *sinuranga*.

a. **Pakaian**

1. *Sigar* – tengkolok yang diperbuat daripada kain berwarna hitam dan disulam dengan manik yang bermotifkan geometri.
2. *Sinurangan* – kain berwarna hitam yang direka seperti jaket tanpa lengan. Bahagian dada dan tepi kain disulam dengan manik dan benang berwarna yang menampilkan motif geometri.
3. *Soluar* – kain berwarna hitam yang direka menyerupai seluar panjang. Bahagian tepi dan hujung seluar disulam dengan manik dan benang berwarna yang bermotifkan geometri. Tali dipasang pada bahagian pinggang supaya saiznya mudah diubah suai.

Manik dan benang berwarna pula disulam pada *sinuranga* yang berfungsi sebagai hiasan bagi menyerlahkan keindahan. Walaupun pakaian *sinuranga* adalah ringkas dan tidak memaparkan aksesori yang banyak tetapi sulaman manik dapat menimbulkan motif geometri sehingga pakaian ini mempunyai keunikannya tersendiri. Beberapa motif geometri seperti segi tiga dan garisan berpangkah dibudayakan daripada bentuk layang-layang, iaitu salah satu alat penghalau burung semasa musim padi berbuah.



Rajah 3 Ragam hias binidang

Rajah 3 menunjukkan ragam hias sulaman manik pada *sinuranga*. Ragam hias dalam busana tradisional ini mempunyai pengertian yang khusus, sekali gus melambangkan sesuatu makna dalam kehidupan masyarakatnya. Motif *nompukili* dan *tompukili* bererti layang-layang dan diaplikasikan dalam sulaman motif

sinuranga. Hal ini mencerminkan bahawa layang-layang adalah suatu objek yang penting dalam kehidupan mereka. Menurut informan⁵, setiap kali padi berbuah, layang-layang wajib dibuat dan dikibarkan di tengah kawasan padi untuk menghalau burung. Selain itu, para pemuda dan pemudi kampung sangat suka bermain layang-layang apabila musim angin kuat. Justeru, bentuk layang-layang yang mudah telah diaplikasikan dalam motif sulaman pada *sinuranga*. Pakaian *sinuranga* adalah pakaian rasmi dalam upacara perkahwinan tradisional. *Sinuranga* akan dipasangkan dengan *rinagang* yang dipakai oleh pengantin wanita. *Sinuranga* juga dipakai oleh penari dalam upacara *kokotuan* (keramaian) atau Pesta Kaamatan. Selain itu, pakaian ini juga dipakai semasa menjalankan aktiviti harian, upacara adat dan keramaian besar.

BUSANA *RINAGANG*

Perkataan *rinagang* atau *rinagangan* dipetik daripada bahasa Dusun, iaitu *aragang* yang bermaksud merah atau berwarna merah. *Rinagang* dierangkan sebagai ‘dimerahkan’ sejajar dengan warna tali rotan (*tuai*) yang dimerahkan. Tali rotan tersebut telah disusun secara bergelung dan berfungsi sebagai pengikat kain (*binidang*) dan pengempis buah dada wanita Tindal. Menurut informan⁶, busana tradisional Tindal, iaitu *rinagang* dinamakan oleh orang *Dusun lain*⁷ yang datang di kawasan petempatan Dusun Tindal. Mereka menggelarkan wanita Tindal sebagai *aragang* atau merah dan bererti wanita bujang. Pemakaian *rinagang* juga menjadi tanda kecantikan seseorang wanita dalam etnik Tindal. Justeru, *rinagang* telah menjadi panggilan pada busana tradisional Tindal yang digunakan sehingga hari ini.

Rajah 1 (i) dan (ii) merupakan imej wanita Dusun Tindal yang berpakaian *rinagang* (John Whitehead, 1893). Reka bentuk busana *rinagang* dalam imej tersebut lebih ringkas tanpa sulaman manik. Terdapat tali daripada rotan yang digelung dan berwarna merah menjadi bahan pengikat pada kain. Tali pinggang yang diperbuat daripada duit syiling turut dipakai pada bahagian pinggang untuk mengetatkan skirt (*gonob*). Rajah 1 (ii) merupakan gambar informan⁸ yang diambil pada tahun 1950-an. Reka bentuk busana *rinagang* dalam imej tersebut adalah hampir sama dengan imej *rinagang* yang dipakai dalam Rajah 1 (i) tanpa penggunaan manik.

Walau bagaimanapun, pembudayaan busana pada tahun 1950-an direka menutupi bahagian belakang. Sungguhpun rekaan *rinagang* yang ringkas dan terbuka di bahagian leher, pakaian tradisi ini menjadi pakaian utama wanita

Tindal semasa melakukan aktiviti harian mereka. Busana ini juga dipakai semasa melakukan kerja di ladang yang dipadankan dengan penutup kepala yang dipanggil *surunduk* untuk berlindung daripada cahaya panas matahari dan hujan.

REKA BENTUK *RINAGANG*

Pembudayaan *rinagang* dalam busana tradisional wanita etnik Tindal adalah sangat unik dan mempunyai reka bentuk dan ragam hias yang tersendiri (Rajah 2). Busana tersebut terdiri daripada baju (*binidang*), skirt (*gonob*) dan hud (*surunduk*). Aksesori lain yang dibudayakan seperti rantai (*karoh*), tali rotan berwarna merah (*rinagang*) dan manik yang disulam (*sinimpana*). Pada umumnya, rekaan kain dalam busana *rinagang* tidak dibentuk seperti baju kebaya atau fesyen pakaian yang lain. Kain atau baju *rinagang* adalah berbentuk segi empat dan dijahit seperti kain sarung yang mempunyai saiz besar di bahagian atas dan bawah kain. Kain *rinagang* dihasilkan menggunakan bahan daripada urat daun nanas atau *lamba* yang dijadikan kain (*binidang*). *Binidang* juga diwarnakan menggunakan bahan alam yang dipanggil *tahum*⁹. Pada masa kini, *binidang* atau kain telah digantikan dengan kain baldu ataupun kain kapas.



(i) (ii)
Rajah 2 Reka bentuk *rinagang*

Rajah 2 (i) dan (ii) menunjukkan reka bentuk *rinagang* yang dipakai oleh seorang wanita. Rajah 2 (i) adalah reka bentuk *rinagang* pada pandangan hadapan,

manakala Rajah 2 (ii) memaparkan reka bentuk *rinagang* pada pandangan belakang. Warna *rinagang* didominasi dengan kain yang berwarna hitam. Bagaimanapun, warna merah, putih dan kuning keemasan menjadi warna pilihan yang disulam sebagai coraknya. Berikut merupakan pola dan pembudayaan busana wanita dalam adat berpakaian etnik Tindal.

a. Pakaian

1. *Surunduk* – penutup kepala yang direka seperti tudung.
2. *Binidang* – kain yang direka bentuk seperti segi empat bertujuan untuk menutupi bahagian paras atas badan.
3. *Gonob* – kain yang direka seperti sarung sebagai pasangan *binidang* untuk menutupi bahagian paras bawah badan.

b. Ragam Hias

1. *Karoh* – manik berbentuk bulat dan berwarna merah yang disulam secara memanjang seperti rantai.
2. *Rinagang* – gulungan rotan yang disusun seperti spring dan diwarnai dengan warna merah.
3. *Sinulatan* – manik berbentuk bulat dan berwarna merah dan putih. Ia disulam secara memanjang dan dialas dengan kain berwarna hitam.




Rajah 3 Struktur *rinagang*

Rajah 3 (i) dan (ii) menunjukkan struktur rekaan busana *rinagang*. Struktur *rinagang* dapat dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu hiasan kepala, hiasan leher, hiasan dada, hiasan pinggang, pakaian atas dan pakaian bahagian bawah. Hiasan kepala dipanggil *surunduk* yang direka seperti *hud*. Hiasan leher adalah *karoh* yang diperbuat daripada rangkaian manik berwarna merah. Hiasan dada adalah *rinagang*, iaitu gelungan rotan yang berlingkar seperti *spring* berwarna merah. Hiasan pinggang pula disebut *sinimpana* yang direka seperti tali pinggang dan diperbuat daripada sulaman manik berwarna merah dan putih. Pakaian pada paras atas adalah *binidang* yang berbentuk segi empat dan dipasangkan dengan tali untuk diikat pada bahagian badan si pemakai. Pakaian paras bawah adalah *gonob* iaitu menyerupai sarung atau kain pelekat dan berwarna hitam.

RAGAM HIAS DAN MOTIF *RINAGANG*

Ragam hias dan motif *rinagang* dalam pakaian wanita Tindal adalah lebih ringkas dan tidak menampilkan bentuk yang pelbagai seperti rekaan busana baju kebaya. Rekaan kain (*binidang*) dibentuk seperti segi empat dan dihiasi dengan motif-motif alam yang ringkas. Rajah 4 (i – ii), memaparkan ragam hias dan motif baju (*binidang*) dan skirt (*gonob*) dalam busana *rinagang*. *Binidang* dipasangkan tali untuk diikat pada bahagian badan. *Gonob* pula mempunyai saiz pinggang yang besar dan perlu diikat dengan *sinulatan*, iaitu tali pinggang yang disulam dengan manik.



Rajah 4 Ragam hias binidang dan gonob

Rajah 4 (i – ii) menunjukkan ragam hias dan motif *rinagang*. Ragam hias dalam busana Tindal mempunyai pengertian yang khusus bagi menunjukkan adat dan kaitannya dengan kosmologi (kehidupan) mereka. Pemakaian busana yang telah diwarisi sejak sekian lama menjadikan adat berpakaian perlu dipatuhi untuk memelihara statusnya.

PERANAN *SINURANGA* DAN *RINAGANG*

Busana *sinuranga* dan *rinagang* yang telah diwarisi oleh etnik Dusun Tindal secara turun-temurun mempunyai peranan dan fungsi yang tertentu. Busana warisan ini bukan sahaja dipakai untuk melambangkan status seseorang tetapi juga berperanan dalam sambutan perayaan *kokotuan*¹⁰ dan upacara adat. Upacara adat yang dikaitkan dengan pakaian merangkumi upacara perkahwinan dan upacara ritual. Dalam upacara perkahwinan, pengantin mesti memakai *sinuranga* dan *rinagang* untuk melambangkan seri dan kecantikannya.

Dalam upacara ritual, para pengamal adat yang dipanggil *bobolian* wajib berpakaian tradisi. Menurut informan¹¹, *sinuranga* dan *rinagang* yang berwarna hitam dipercayai dapat menyatukan kuasa *supernatural*¹² dengan *bobolian*. Beberapa upacara ritual yang diamalkan oleh etnik Tindal, iaitu upacara *rumangkai*, upacara *mansalud*, upacara *momurinait*, upacara *mongulansai* dan upacara *magarau*. Upacara ritual menggunakan pakaian tersebut untuk memberi persembahan dan memohon pembersihan alam daripada kuasa *supernatural*. Justeru, pembudayaan busana bukan sahaja dipakai dalam kehidupan seharian tetapi turut dipakai dalam upacara adat dan keramaian besar.

KESIMPULAN

Busana tradisional masyarakat Dusun Tindal adalah satu amalan budaya dan warisan yang menjadi kebanggaan masyarakatnya. Walaupun reka corak *sinuranga* dan *rinagang* adalah ringkas, tetapi ia mempunyai keunikan dan keindahan yang tersendiri. Budaya ini dipaparkan melalui fesyen, reka corak dan aksesorinya. Oleh itu, pakaian tradisional ini wajar didokumentasi dan didokumentarikan sebagai warisan dan khazanah bangsa. Selain itu, busana tradisional diharap dikenali oleh masyarakat lain agar tidak luput ditelan zaman untuk tatapan generasi akan datang.

NOTA

- ¹ Maklumat daripada informan Sambuoi bin Tundan (68 tahun), Kampung Bukid, Kota Belud. Temu bual pada 5 Julai 2016.
- ² Maklumat daripada informan (Suanoi Kagos, 72 tahun), Kampung Melangkap Tiong, Kota Belud. Temu bual pada 4 Jun 2016.
- ³ Maklumat daripada informan Soulin Salidap, (51 tahun), Kampung Melangkap Tiong, Kota Belud. Temu bual pada 4 Jun 2016.
- ⁴ *Binidang* merupakan nama panggilan pada kain berwarna hitam dalam istilah Dusun Tindal.
- ⁵ Maklumat daripada informan Soulin Salidap (51 tahun), Kampung Melangkap Tiong, Kota Belud. Temu bual pada 4 Jun 2016.
- ⁶ Maklumat daripada informan Tarini@Beneh binti Kandi, (80 tahun), Kampung Tuguson, Kota Belud. Temu bual pada 23 Januari 2016.
- ⁷ *Dusun lain* bermaksud etnik Dusunik yang datang dari daerah lain untuk berhijrah atau berdagang di Kota Belud.
- ⁸ Maklumat daripada informan Tarini@Beneh binti Kandi, (80 tahun), Kampung Tuguson, Kota Belud. Temu bual pada 23 Januari 2016.
- ⁹ *Tahum* adalah nama pewarna tradisional yang diambil daripada sejenis daun yang dipanggil *tahum* oleh etnik Tindal.
- ¹⁰ *Kokotuan* merujuk kepada perayaan pesta menuai.
- ¹¹ Maklumat daripada informan Suanoi Kagos, 72 tahun, Kampung Melangkap Tiong, Kota Belud. Temu bual pada 4 Jun 2016.
- ¹² Kuasa *supernatural* merujuk kepada kuasa-kuasa ghaib yang dianggap dewa dalam amalan tradisional etnik Dusun Tindal.

RUJUKAN

- Benedict Topin. (1996). *Sharing on Kadazandusun culture*. Kota Kinabalu: KDCA.
- Ismail Hj Ibrahim & Jane Wong Kon Ling. (2002). *Warisan seni etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Razalee bin Goroh @ Symin bin Goroh. (1982). *Titian adat istiadat kaum Dusun/ Kadazan, Kota Belud*. Kota Kinabalu: Sabah State Museum.
- Rita Lasimbang. (1997). *An introduction to the traditional costume of Sabah*. Kota Kinabalu: Natural History Publication.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. (1999). *Bahasa dan alam pemikiran masyarakat Bajau*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Informan

- Soulin Salidap, 50 tahun, Kampung Melangkap Tiong, ahli jawatankuasa daerah KDCA Kawasan Kampung, 12 Jun 2016.
- Suanoi Kagos, 72 tahun, Kampung Melangkap Tiong, penyimpan dan pembuat busana tradisional, 12 Jun 2016.
- Tarini@Beneh binti Kandi, 80 tahun, Kampung Tuguson, penyimpan dan pembuat busana tradisi, 23 Januari 2016.

